

Persidangan 'Parlimen' mahasiswa UMS beri kefahaman proses perbahasan

NST 22.4.2015 5

OLEH MARRYAN RAZAN
(marryan@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Persidangan 'Parlimen' Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dianggotai seramai 50 ahli julung kalinya diadakan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, di sini, kelmarin.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, persidangan 'Parlimen' Mahasiswa itu akan memberi pengalaman berguna kepada golongan mahasiswa sekaligus memberi kefahaman kepada mereka mengenai proses perbahasan di Parlimen.

"Saya amat bangga apabila UMS menjadi universiti awam dalam Malaysia yang pertama dapat mengadakan persidangan Parlimen Mahasiswa di DUN dan pertama selepas Persidangan Parlimen Mahasiswa peringkat ke-

bangsaan.

"Terima kasih kepada speaker, timbalan speaker dan setiausaha DUN kerana membenarkan persidangan Parlimen Mahasiswa diadakan di DUN Sabah dan seterusnya memberikan tunjuk ajar berhubung etika dan protokol persidangan DUN kepada para mahasiswa UMS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Parlimen Mahasiswa UMS, di Dewan Undangan Negeri (DUN), di sini, kelmarin.

Mohd Harun berkata, Parlimen Mahasiswa adalah satu platform yang amat signifikan dalam melahirkan modal insan berketrampilan dalam semua aspek dan bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

"Persidangan seumpama ini yang julung kali diadakan merupakan satu pendekatan pro aktif yang diambil oleh pihak pengurusan UMS

untuk mempertingkatkan lagi kualiti mahasiswa UMS.

"Melalui persidangan ini akan membolehkan para mahasiswa membahaskan pelbagai isu semasa universiti secara berhemah dan bertanggungjawab untuk kesejahteraan warga UMS," katanya.

Katanya, perbahasan melalui persidangan itu dapat mengasah kemahiran berkomunikasi, petah berhujah, bersoal jawab, kritis, terbuka dan berbudi bahasa dalam mengeluarkan pandangan setiap peserta.

Beliau berkata, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian sepenuhnya kepada pembangunan hal ehwal pelajar terutamanya dari aspek kemahiran insaniah dan jatidiri pelajar selaras dengan perubahan dalam lanskap pendidikan dan keperluan negara.

"Universiti pada hari ini tidak hanya boleh

berbangga dengan pencapaian akademik para pelajarnya tetapi juga perlu diseimbangkan dengan pencapaian non-academic para mahasiswa yang menjadi aset penting kepada kesejahteraan Malaysia," katanya.

Oleh itu Mohd Harun berkata, bagi memastikan misi dan visi itu dicapai, para mahasiswa bukan sahaja perlu diperkuatkan dengan kecemerlangan akademik tetapi perlu dibekalkan dengan nilai-nilai kemahiran insaniah selaras dengan aspirasi Pelan Pendidikan Tinggi Negara 2015 - 2025.

Beliau berharap agar Persidangan Parlimen Mahasiswa menjadi sejarah UMS dan akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang.

"Saya berharap agar persidangan Parlimen Mahasiswa UMS ini dapat diperkembangkan lagi pada masa akan datang bagi memastikan misi dan visi UMS, KPM dan negara tercapai," katanya.



BAHAS...Salah seorang anggota Parlimen Mahasiswa UMS.



CENDERA KENANGAN...Mohd Harun (dua dari kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Timbalan Speaker DUN Sabah Datuk Dr. Johnson Tee.